

**UCAPAN OLEH TUN DR MAHATHIR BIN MOHAMAD DI UNIVERSITAS
SEBELAS MARET, INDONESIA PADA HARI ISNIN, 3 SEPTEMBER 2012**

“Empowering Malay Nation”

1. Saya ucapkan terima kasih kepada Universitas 11 Maret serta Pengurusan dan para gurunya kerana anugerah Doktor Kehormat dalam bidang Kepimpinan dan Pemberdayaan Bangsa Melayu kepada saya. Sesungguhnya ini adalah kehormatan besar kepada saya kerana sumbangan sedikit saya kepada pembangunan negara saya Malaysia dan kemajuan bangsa Melayu.
2. Di sini ingin saya berbicara sedikit berkenaan etnik Melayu dan kemungkinan mereka mengembalikan keteguhan kedudukan mereka dalam masyarakat dunia.
3. Etnik Melayu merupakan satu daripada kumpulan etnik yang besar di dunia. Umumnya mereka berada di kepulauan Asia Tenggara. Sejarah meriwayatkan akan tamadun yang tinggi yang didirikan oleh mereka selama ratusan tahun dahulu. Namun kedatangan bangsa Eropa pada abad 14 – 15 telah menyebabkan kejatuhan tamadun dan kuasa etnik Melayu ke tangan kuasa-kuasa Barat. Sejak itu etnik Melayu ini telah dikuasai tamadun Eropa moden dengan budaya yang berpusat kepada Eropa. Tamadun Etnik Melayu telah terhakis dan disertai kehilangan kuasa mereka ke atas wilayah yang diduduki oleh mereka.
4. Pada pertengahan abad kedua puluh wilayah etnik Melayu telah berjaya dibebaskan keseluruhannya dari belenggu penjajahan bangsa-bangsa Eropa. Tetapi kemajuan mereka tidak dapat dipulih secara yang signifikan. Wilayah yang bertamadun tua ini telah ditakrif sebagai sebahagian dari dunia ketiga yang kurang maju.
5. Soalnya apakah dapat tamadun baru Melayu yang sejajar dengan tamadun-tamadun lain di dunia moden ini dapat didirikan di zaman ini.
6. Jika diperhatikan dari sejarah terdapat bangsa-bangsa yang dahulu mundur tetapi berjaya mendirikan tamadun yang tinggi. Contoh yang mudah digunakan ialah tamadun Eropa. Di zaman ketamadunan Islam yang terkenal, bangsa-bangsa Eropa berada dalam zaman kegelapan – the Dark Ages. Mereka tidak berilmu pengetahuan dan dibelenggu dengan kepercayaan kepada makhluk-makhluk ghaib. Masyarakat mereka begitu feudal sehingga separuh dari mereka diperhambakan dan bekerja untuk memperkayakan sebahagian yang kecil dari golongan bangsawan yang memiliki kuasa hidup dan mati ke atas mereka. Majoriti mereka tidak pun boleh membaca dan ilmu pengetahuan hampir tidak ada.
7. Tetapi pada abad kelima belas, setelah melihat kemajuan orang-orang Islam dan tamadun mereka, padri-padri mereka kagum dan memutus untuk

memajukan kaum bangsa mereka dengan mempelajari ilmu orang Islam terutama sains dan matematik yang menyumbang banyak kepada kemajuan orang Islam.

8. Mereka mempelajari bahasa Arab, yang menjadi bahasa ilmu di zaman itu, dan berusaha menguasai ilmu-ilmu yang dikumpul oleh orang Islam yang tersimpan dalam khutub khanah besar di Khurtubah Al-Andalus dan Baghdad dan lain-lain lokasi dalam dunia Islam. Dengan ilmu orang Islam yang diperolehi oleh mereka maka dapatlah mereka menjayakan Renaissssance atau kelahiran semula mereka. Sejak itu tamadun mereka diteruskan dan kemudian ianya dapat menguasai pemikiran dan budaya serta sistem masyarakat manusia di seluruh dunia.

9. Sifat ingin tahu yang menjadi sebahagian dari budaya mereka mendorong penerokaan pelayaran sehingga sampai ke dunia baru di barat iaitu Amerika dan dunia timur jauh. Dengan ilmu yang memperkaya dan memberi kekuatan kepada mereka, mereka berjaya menakluk sebahagian besar dari dunia dan membesarkan tamadun mereka.

10. Apakah mungkin etnik Melayu mengembali dan memperkukuhkan tamadun Melayu seperti yang dilakukan oleh bangsa-bangsa Eropa? Tidak ada sebab kenapa tidak.

11. Seperti dengan bangsa Eropa yang menyerap ilmu yang diterokai oleh orang Islam, kali ini pula etnik Melayu perlu kejar ilmu yang dikumpul dan diterokai oleh bangsa Eropa dan bangsa-bangsa lain. Tetapi tidaklah memadai jika hanya menumpu kepada penguasaan ilmu yang sedia ada sahaja. Untuk menjayakan etnik Melayu, kaji selidik hendaklah dilakukan kepada ilmu yang ada dan ditambah tokok dengan ilmu yang baru.

12. Ilmu yang diperolehi bukanlah untuk menambah pengetahuan sahaja tetapi lebih penting ialah diguna untuk memperbaiki lagi kehidupan kita dan meningkatkan tamadun dan kuasa. Alatan dan pendekatan yang baru yang boleh menyumbang kepada kemajuan hendaklah dicipta dan diperalatkan.

13. Untuk semua ini etnik Melayu perlu kepada institusi pelajaran tinggi yang dapat memberi ilmu pengetahuan kepada seramai mungkin dari rakyat sebangsa. Dengan ini tamadun etnik Melayu dapat meningkat sehingga bangsa ini menjadi bangsa yang semuanya celik huruf dan berilmu, sesuatu yang dapat menyumbang kepada ketamadunan dan kekuatan.

14. Kita hidup sekarang dalam zaman pengetahuan dan maklumat. Zaman ini berkembang maju kerana teknologi IT dan Internet membolehkan siapa sahaja mengejar dan memilik ilmu tanpa had. Sementara alat-alat ini mempermudah proses menguasai ilmu, penggunaan alat-alat ini sahaja tidak memadai.

15. Bangsa yang ingin memperolehi kekuatan harus menguasai teknologi dan kemampuan mencipta dan mengeluarkan segala alat yang diguna dalam

kehidupan manusia dan untuk menyebarkan ilmu. Dari situ diperlukan juga penguasaan teknologi dan teknik dan bidang pembuatan yang boleh meningkatkan keupayaan mencipta, membangun dan mengeluarkan apa sahaja yang diperlukan oleh masyarakat etnik Melayu di zaman moden yang kian maju. Sudah tentu hasil penerokaan dan penyelidikan ini juga perlu diedar kepada seluruh dunia.

16. Untuk semua ini selain dari institusi pelajaran tinggi seperti universiti, diperlukan juga makmal-makmal untuk kajian selidik dan penerokaan dalam ilmu dan teknologi yang baru dan yang lebih canggih. Hari ini makmal yang utama ialah dalam bidang elektronik terutama design mikrochip yang semakin lama semakin tinggi kuasanya.

17. Undang-undang Moores mendakwa bahawa kuasa microcip akan berlipat sekali ganda tiap $1\frac{1}{2}$ tahun. Dengan peningkatan kuasa microcip ini maka kegunaan dan kuasanya juga akan berlipat ganda, menjadi lebih pantas dan lebih halus. Akhirnya ukurannya akan hanya sebesar satu atom. Manusia masih belum sampai ketahap ini. Kita, melalui penyelidikan makmal mungkin dapat menyumbang kepada proses ini.

18. Dengan kemajuan dalam peningkatan kuasa microcip maka banyaklah kegunaan baru yang boleh dicipta dan dihasilkan. Diantaranya ialah kebolehan melihat sesuatu yang berada di belakang tembok yang tebal, atau membaca pemikiran seseorang dan bermacam lagi.

19. Jika kita sanggup melabur wang yang banyak dalam usaha kajian selidik makmal ini, besar kemungkinan kita akan dapat menyamai dan mungkin mengatasi tamadun Eropa dan tamadun lain juga.

20. Penguasaan ilmu yang terkini dan canggih akan menyumbang kepada tamadun etnik Melayu. Tetapi kita juga perlu cekap dalam bidang pentadbiran dan pembangunan bangsa dan negara. Ini juga memerlukan ilmu yang khusus dalam bidang pentadbiran dan pengurusan. Sekali lagi institusi pelajaran tinggi seperti universiti boleh main peranan utama.

21. Piawaian (standard) institusi kita mestilah tinggi seperti yang tertinggi di dunia serta memiliki guru-guru yang penuh dedikasi kepada penguasaan ilmu lebih daripada tarikan yang lain. Institusi juga perlu mendapat bantuan dan pembiayaan dari pemerintah dan orang yang telah mendapat nikmat daripada ilmu dari institusi-institusi ini yang menjayakan mereka.

22. Sesuatu yang amat penting untuk mendirikan tamadun yang tinggi ialah budaya dan nilai hidup yang dipegang dan diamal oleh masyarakat berkenaan. Tidak ada puak atau etnik yang boleh membangunkan tamadun yang tinggi jika nilai hidup mereka tidak sesuai.

23. Satu kajian perlu dibuat akan nilai-nilai mulia supaya dapat dikenal pasti nilai yang mesti dipupuk di kalangan etnik Melayu dari kecil lagi. Jika

nilai-nilai mulia berjaya diserapkan oleh etnik Melayu maka proses mendirikan tamadun mereka, proses memperkasa mereka lambat laun akan tercapai.

24. Dengan terhasilnya tamadun baru bangsa etnik Melayu maka tentulah mereka akan memiliki kuasa yang dituntut oleh mereka.
